

16/04/2001

UIAM lambang kesungguhan memartabat ilmu

UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang akan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok adalah lambang kesungguhan Malaysia dalam mengangkat martabat ilmu pengetahuan manusia sejajar dengan tuntutan agama Islam. Namun pembukaan rasmi UIAM di kampus Gombak, Selangor, selepas 18 tahun penubuhannya, dipertikaikan oleh golongan yang tidak mahu menerima hakikat dan sejarah penubuhan universiti itu. Mereka ini, termasuk beberapa anasir dalam parti pembangkang mendakwa Datuk Seri Anwar Ibrahim, adalah orang yang paling layak merasmikan dan diberi penghormatan kepada penubuhan serta perkembangan UIAM.

Bagaimanapun, mereka lupa bahawa sejarah membuktikan bahawa penubuhan UIAM wujud ketika Anwar belum dibawa masuk dalam kerajaan. Anwar diberi tempat dalam Umno oleh Dr Mahathir pada 1982, sedangkan sejarah penubuhan UIAM bermula sejak 1977 lagi dengan penerimaan resolusi kongres di Makkah. Dr Mahathir yang ketika itu Menteri Pelajaran adalah orang yang menghadiri kongres itu dan menyokong penuh ketetapan itu. Selepas menjadi Perdana Menteri, beliau memberikan komitmen sepenuhnya kepada penubuhan universiti itu. Penubuhan universiti itu mula direalisasikan sejak 1981 dan 1982 serta penerimaan pelajar pertamanya pada 1983. Malah, ketika penubuhan UIAM pada Mei 1983, Anwar hanyalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kita perlu mengakui bahawa tekad politik dan komitmen tinggi Dr Mahathir membolehkan penubuhan universiti Islam antarabangsa menjadi kenyataan di Malaysia. Dengan itu, beliau sepatutnya diberi penghormatan merasmikan UIAM esok.

(END)